



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.2 (36)
Tarikh : 04 September 2020

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 10 TAHUN 2020**

**PELAKSANAAN PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT
PRASEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021**

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) Peringkat Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2021 di semua institusi yang melaksanakan pendidikan prasekolah.

2. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 9/2020 bertarikh 25 Februari 2020 telah meluluskan pelaksanaan PKJR peringkat prasekolah mulai tahun 2021. Perkara ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya Bil. 1/2016 bertarikh 18 April 2016 supaya PKJR diperkenalkan kepada murid bermula dari peringkat prasekolah.
3. PKJR peringkat prasekolah bermatlamat untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran asas tentang keselamatan jalan raya bagi melahirkan generasi pengguna jalan raya berhemah serta menghormati hak pengguna jalan raya yang lain.
4. Berdasarkan peruntukan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017), PKJR peringkat prasekolah dilaksanakan pada waktu Pembelajaran Bersepadu iaitu semasa Perbualan Awal, Rehat, Aktiviti Penutup dan Aktiviti Pembelajaran mengikut kesesuaian perancangan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung


5. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan kerjasama KPM telah menghasilkan Buku Panduan Guru: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Prasekolah sebagai rujukan kepada guru prasekolah dalam melaksanakan PdP. Buku ini boleh dimuat turun dari laman sesawang www.pkjr.gov.my.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia